

MANUAL PENGGUNA

e-MSIC 2008_{ver 1.0}

1. PENGENALAN:

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia atau *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) digunakan bagi tujuan pengumpulan, penyusunan dan penerbitan perangkaan. MSIC merupakan satu klasifikasi standard bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Tujuan utamanya adalah menyediakan satu set kategori aktiviti yang boleh digunakan dalam pengumpulan dan penerbitan perangkaan mengikut aktiviti tertentu. MSIC 2008 Ver 1.0 merupakan klasifikasi industri yang terkini yang dibangun berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC) Revision 4*.

Buku MSIC (Versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) digunakan secara meluas oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan agensi-agensi berkaitan sebagai sumber rujukan dalam pengkelasan aktiviti ekonomi atau industri.

Sistem Carian (*Search Engine*) MSIC dibangun oleh Bahagian Metodologi dan Penyelidikan (BMP) dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Sistem ini dibangun sebagai langkah memudahkan pengguna membuat carian kod industri daripada secara manual dengan menggunakan buku kepada membuat carian melalui sistem. Pembangunan sistem ini telah dimulakan pada tahun 2011 dengan beberapa siri penambahbaikan yang dilaksanakan secara berterusan.

2. TUJUAN e-MSIC

Sistem dibangun bertujuan untuk memudahkan pengguna dan mempercepatkan pencarian kod MSIC. Sistem ini juga membantu pengguna membuat carian kod industri dengan betul dan tepat.

Sistem carian MSIC disediakan untuk keperluan pengguna dalaman dan luar Jabatan. Pengguna dalaman terdiri daripada Bahagian Butiran Perkara dan JP Negeri. Manakala antara contoh pengguna luar Jabatan yang berpotensi untuk menggunakan sistem ini adalah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kastam DiRaja Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).


3. KANDUNGAN e-MSIC

Sistem carian MSIC dibangunkan dalam dua (2) Bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sistem menyediakan tiga (3) modul carian iaitu:

- (a) Modul Struktur MSIC;
- (b) Modul Deskripsi MSIC; dan
- (c) Modul Kod MSIC.

4. MODUL CARIAN e-MSIC

(a) Modul Struktur MSIC:



The screenshot displays the e-MSIC 2008 ver 1.0 interface. At the top left, there is a logo with three colored bars (orange, green, blue) and the text 'e-MSIC 2008 ver 1.0'. At the top right, there is a language dropdown menu set to 'Malay'. Below this, there are three large, colorful buttons representing search modules: 'STRUKTUR MSIC' (orange), 'DESKRIPSI MSIC' (green), and 'KOD MSIC' (blue). Each button has a small icon and a right-pointing arrow. A red box highlights the 'STRUKTUR MSIC' button, and a black arrow points from the text 'Modul "Struktur MSIC"' to it. Below the buttons is a search form titled 'Carian Struktur MSIC'. The form contains several dropdown menus for selection: 'Nyatakan skop aktiviti ekonomi anda : Sila Pilih', 'Seksyen : Sila Pilih', 'Bahagian : Sila Pilih', 'Kumpulan : Sila Pilih', 'Kelas : Sila Pilih', and 'Keterangan : Sila Pilih'. At the bottom of the form are three buttons: 'Cari', 'Reset', and 'Menu'.

(i) Langkah 1 : Pengguna perlu membuat carian mengikut medan-medan carian iaitu mengikut:

- Nyatakan skop aktiviti ekonomi;
- Seksyen

- Bahagian
- Kumpulan
- Kelas
- Deskripsi

Sila pilih sekurang-kurangnya sehingga medan "kumpulan" sebelum membuat carian

- (ii) Langkah 2 : Kemudian klik "Cari"
- (iii) Langkah 3 : Klik butang "Reset" untuk set semula carian
- (iv) Langkah 4 : Klik butang "Menu" untuk kembali ke sistem carian

Contoh:

Carian Struktur MSIC

Nyatakan skop aktiviti ekonomi anda :

Seksyen :

Bahagian :

Kumpulan :

Kelas :

Keterangan :

Paparan Maklumat Kod MSIC 2008

Seksyen : A - Pertanian, Perhutanan dan Perikanan
Bahagian : 01 - Pengeluaran tanaman dan ternakan, pemburuan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan
Kumpulan : 016 - Aktiviti sokongan pertanian dan aktiviti tanaman selepas tuaian
Kelas : 0161 - Aktiviti sokongan untuk pengeluaran tanaman
Perkara : 01610 - Aktiviti pertanian untuk pengeluaran tanaman berasaskan yuran atau kontrak

Jadual untuk 5 digit

Perkara	Keterangan	Termasuk	Tidak termasuk	MSIC 2000	Kod Penyiasatan	Keterangan Penyiasatan
01610	Aktiviti pertanian untuk pengeluaran tanaman berasaskan yuran atau kontrak	(a) penyediaan tanah, penuaian, kawalan perosak (termasuk arnab) berkaitan dengan pertanian (b) operasi peralatan pengairan untuk tujuan pertanian (c) penyelenggaraan tanah bagi memastikannya berada dalam keadaan yang baik untuk kegunaan pertanian		01400	101	Tanaman

(b) Modul Deskripsi :

- (i) Langkah 1 : Pengguna perlu membuat carian mengikut deskripsi aktiviti

Contoh: taip perkataan "motosikal"

- (ii) Langkah 2 : Kemudian klik "Cari"
Maklumat kod yang berkaitan dengan "motosikal" akan terpapar dan perkataan "motosikal" akan di*highlight* berwarna kuning.

Carian berdasarkan deskripsi aktiviti :

Sila masukkan satu perkataan yang ingin dicari. Contoh: wap


Paparan Maklumat Kod MSIC 2008

Jadual untuk 4 digit

Seksyen	Kelas	Keterangan	Termasuk	Tidak Termasuk
C	3091	Pembuatan motosikal	(a) pembuatan motosikal , mopeds dan kayuh yang dipasang bersama enjin bantuan (b) pembuatan enjin motosikal (c) pembuatan kereta sisi (d) pembuatan bahagian dan aksesori motosikal (e) pembuatan skuter	(a) pembuatan basikal, lihat 30920 (b) pembuatan invalid carriages, lihat 30920
C	3315	Pembaikan bagi kelengkapan pengangkutan, kecuali kenderaan bermotor	(a) pembaikan dan penyelenggaraan rutin kapal (b) pembaikan dan penyelenggaraan atau perubahan bagi bot persiaran (c) pembaikan dan penyelenggaraan lokomotif dan landasan kereta api (kecuali kilang membina semula atau penukaran kilang) (d) pembaikan dan penyelenggaraan pesawat (kecuali kilang penukaran, kilang pemeriksaan terperinci, kilang membina semula) (e) pembaikan dan penyelenggaraan enjin pesawat (f) pembaikan daya penarik dan gerabak bagi binatang buggies	(a) kilang membina semula kapal-kapal, lihat 30110 (b) kilang membina semula kereta-kereta lokomotif dan landasan kereta api, lihat 30200 (c) kilang membina semula pesawat, lihat 30300 (d) pembaikan dan penyelenggaraan aksesori kereta, lihat 33110 (e) kapal pengukur, penguraian, lihat 38302 (f) pembaikan dan penyelenggaraan motosikal , melihat 45403 (g) pembaikan basikal, lihat 95291
G	4540	Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan		(a) jualan borong basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan, lihat 46441 (b) jualan runcit basikal dan komponen (termasuk alat ganti) dan aksesori berkaitan, lihat 47635 (c) sewaan motosikal , lihat 77302 (d) pembaikan dan penyelenggaraan basikal, lihat 95291

- (iii) Langkah 3 : Untuk carian berdasarkan deskripsi yang seterusnya, taip perkataan baru diruangan kotak carian
- (iv) Langkah 4 : Klik butang “Menu” untuk kembali ke sistem carian

(c) Modul Kod MSIC



- (i) Langkah 1 : Pengguna perlu membuat carian dengan memasukkan Kod MSIC. Taipkan sekurang-kurangnya 3 digit kod
Contoh : 017
- (ii) Langkah 2 : Kemudian klik “Cari”
Maklumat kod yang berkaitan dengan kod "017" akan dipaparkan



Paparan Maklumat Kod MSIC 2008

Jadual untuk 4 digit

Seksyen	Kelas	Keterangan
A	0170	Pemburuan, penjeratan dan aktiviti perkhidmatan berkaitan

Jadual untuk 5 digit

Seksyen	Perkara	Keterangan
A	01701	Pemburuan dan penjeratan haiwan secara komersial
A	01702	Penangkapan haiwan (hidup atau mati)

- (iii) Langkah 3 : Untuk carian berdasarkan kod yang seterusnya, taip kod baru diruangan kotak carian

- (iv) Langkah 4 : Klik butang “Menu” untuk kembali ke sistem carian